

Operasi Fiskal 2006

Dasar fiskal terus menyokong pertumbuhan ekonomi dengan konsolidasi yang berterusan...

Bajet 2006 digubal dengan matlamat untuk meneruskan usaha membina ekonomi yang berdaya tahan, memperkukuhkan pertumbuhan serta menyokong aktiviti perniagaan swasta dalam menghadapi cabaran, berikutan kesan harga minyak yang kekal tinggi, kenaikan kadar faedah global dan peningkatan persaingan ekonomi serantau. Di samping memenuhi permintaan ekonomi yang kian berkembang, Bajet 2006 yang merupakan bajet pertama bagi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) 2006-2010, akan terus memberi penekanan ke arah membina kapasiti dan meningkatkan kecekapan sebagai asas untuk menjamin pertumbuhan ekonomi yang mapan dalam jangka sederhana dan panjang. Sehubungan itu, seperti yang diumumkan dalam RMKe-9, Kerajaan akan terus mengkaji semula, menyelaraskan dan menambahbaik proses pelaksanaan dan pemantauan projek bagi memastikan peruntukan Kerajaan dibelanjakan dengan lancar, lebih akauntabiliti dan berkesan.

Kerajaan mempunyai peranan yang penting bagi menyokong sektor swasta sebagai penjana utama kepada pertumbuhan ekonomi walaupun Kerajaan terus melaksanakan langkah konsolidasi fiskal sejak tahun 2000. Dengan demikian, Bajet

ini telah mencadangkan langkah bersesuaian untuk memastikan persekitaran mesra perniagaan yang berterusan bagi meningkatkan daya saing. Langkah ini termasuk memberi pelepasan cukai, meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, memodenkan sektor pertanian, mengenal pasti dan membangun sumber pertumbuhan baru serta mempertingkatkan pembangunan modal insan.

Peranan Kerajaan dalam merangsang aktiviti ekonomi tidak akan menjejaskan langkah konsolidasi fiskal berikutan prestasi ekonomi yang kukuh serta peningkatan ketara hasil berkaitan minyak yang menyumbang RM45,002 juta atau 37.3% daripada jumlah hasil berbanding RM30,889 juta atau 29.1% pada 2005. Peningkatan hasil berkaitan minyak ini telah dapat membantu mengekalkan perbelanjaan kerajaan tanpa menjejaskan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Defisit fiskal sebagai peratusan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2006 dijangka lebih rendah selaras dengan strategi keseluruhan makroekonomi untuk mengekalkan pertumbuhan tanpa memberi tekanan ke atas kedudukan pembiayaan atau hutang Kerajaan. Sebahagian besar keperluan pinjaman Kerajaan diperoleh daripada sumber domestik, tanpa menjejaskan peluang sektor swasta untuk mendapatkan pinjaman, berikutan lebihan kecairan dalam sistem kewangan. Bayaran khidmat hutang kekal rendah dan terurus.

Pendekatan dasar fiskal yang dilaksanakan terus memenuhi keperluan ekonomi yang kian berkembang di samping memastikan kemapanan dan fleksibiliti bagi jangka sederhana. Langkah percukaian dan perbelanjaan yang diperkenalkan telah berjaya membantu mengatasi masalah yang telah menjejaskan sektor ekonomi tertentu atau membebaskan golongan berpendapatan rendah. Dalam jangka sederhana, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang kukuh dijangka dapat memberi fleksibiliti dalam mengatasi isu dan cabaran baru yang timbul dari ketidaktentuan dan perkembangan luar negara.

Kerajaan Persekutuan

Kewangan Kerajaan Persekutuan kekal kukuh...

Defisit Kerajaan Persekutuan dijangka terus berkurang kepada 3.5% KDNK pada 2006, seperti di *Jadual 4.1*, berikutan pertumbuhan hasil yang kukuh terutamanya daripada hasil berkaitan minyak. Kedudukan kewangan yang kukuh ini akan dapat meningkatkan fleksibiliti dan keupayaan Kerajaan untuk menghadapi sebarang ketidaktentuan pada masa hadapan.

Hasil

Kerajaan Persekutuan menganggarkan jumlah hasil sebanyak RM114,569 juta bagi Bajet 2006. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira prestasi sebenar hasil dalam tahun 2005 dan bagi tempoh enam bulan pertama 2006, jumlah hasil telah disemak kepada RM120,625 juta, seperti di *Jadual 4.2*. Hasil yang lebih tinggi sebanyak 13.5%, adalah disumbangkan sebahagian besarnya oleh cukai langsung, terutamanya cukai pendapatan korporat. Berikutan harga minyak mentah yang tinggi, meningkat daripada USD42 pada 2004 kepada USD57 setong pada 2005, hasil berkaitan minyak dan dividen turut memberi sumbangan besar ke atas pertambahan hasil keseluruhan.

Hasil cukai dijangka menyumbang 72.8% atau RM87,863 juta kepada jumlah hasil. **Cukai langsung** yang disemak semula dijangka meningkat sebanyak 17% kepada RM62,637 juta (2005: 9.9%; RM53,543 juta). Cukai pendapatan individu berkembang sebanyak 11.6%, manakala cukai korporat dijangka meningkat 7.7%, mencerminkan prestasi ekonomi yang kukuh serta usaha berterusan yang dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan kutipan hasil. Bagi memudahkan penyerahan balik borang cukai,

JADUAL 4.1

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2005-2007


	RM juta			Perubahan (%)		
	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²
Hasil	106,304	120,625	134,815	6.9	13.5	11.8
Perbelanjaan mengurus	97,744	105,374	112,986	7.1	7.8	7.2
Baki semasa	8,560	15,251	21,829	5.7	78.2	43.1
Perbelanjaan pembangunan kasar	30,534	35,814	44,510	5.8	17.3	24.3
Tolak: Terimaan balik pinjaman	3,250	1,274	2,485	141.5	-60.8	95.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	27,284	34,540	42,025	-0.9	26.6	21.7
Baki keseluruhan	-18,724	-19,289	-20,196	-3.6	3.0	4.7
% kepada KDNK	-3.8	-3.5	-3.4			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2007.


CARTA 4.1

Kewangan Kerajaan Persekutuan Akaun Semasa



CARTA 4.2

Peratusan Defisit/Lebih Keseluruhan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar



JADUAL 4.2

Hasil Kerajaan Persekutuan 2005-2007

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²
Hasil cukai	80,594	87,863	95,794	11.9	9.0	9.0	75.8	72.8	71.1
Cukai langsung	53,543	62,637	70,116	9.9	17.0	11.9	50.4	51.9	52.0
antaranya:									
Syarikat	26,381	28,414	30,127	8.2	7.7	6.0	24.8	23.6	22.3
PITA ³	14,566	20,404	24,693	26.9	40.1	21.0	13.7	16.9	18.3
Individu	8,649	9,649	10,555	-3.7	11.6	9.4	8.1	8.0	7.8
Cukai tidak langsung	27,051	25,226	25,678	15.9	-6.7	1.8	25.4	20.9	19.0
antaranya:									
Duti eksais	9,321	8,798	9,463	36.5	-5.6	7.6	8.8	7.3	7.0
Cukai jualan	7,709	6,281	5,812	13.1	-18.5	-7.5	7.3	5.2	4.3
Hasil bukan cukai	25,710	32,762	39,021	-6.0	27.4	19.1	24.2	27.2	28.9
antaranya:									
Lesen/permit	8,332	8,600	9,029	17.3	3.2	5.0	7.8	7.1	6.7
Pendapatan pelaburan	14,849	21,608	27,398	-16.5	45.5	26.8	14.0	17.9	20.3
Jumlah hasil	106,304	120,625	134,815	6.9	13.5	11.8	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	21.5	22.0	22.6						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2007.

³ Cukai Pendapatan Petroleum.

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) baru-baru ini telah memperkenalkan sistem *e-filing* yang membolehkan pembayar cukai mengemukakan borang cukai secara atas talian. LHDN telah menerima sejumlah 186,600 borang melalui sistem *e-filing* sehingga tarikh tutup pada akhir Jun 2006, jauh melebihi jangkaan awal sebanyak 50,000 borang. Cukai Pendapatan Petroleum (PITA) meningkat 40.1% kepada RM20,404 juta (2005: 26.9%; RM14,566 juta) selaras dengan pengeluaran yang mapan dan harga minyak mentah yang lebih tinggi pada 2005.

Cukai tidak langsung yang menyumbang lebih satu perlima daripada jumlah hasil, dianggarkan berkurang sebanyak 6.7% kepada RM25,226 juta. Ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan ketara cukai jualan yang berpunca daripada kutipan yang lebih rendah daripada produk petroleum dan kenderaan bermotor serta pengimbangan semula cukai ke atas produk minuman keras dan tembakau. Begitu juga duti import dan eksais dijangka berkurang berikutan pengumuman Dasar Automotif Nasional (DAN)

yang mengurangkan jumlah kutipan daripada kenderaan import dan buatan tempatan. Duti eksport yang meningkat sebanyak 21%, sebahagian besarnya disumbangkan oleh harga komoditi yang tinggi, khususnya minyak mentah.

Kutipan daripada **hasil bukan cukai** dianggarkan meningkat kepada RM32,762 juta (2005: RM25,710 juta), berikutan bayaran dividen yang lebih besar oleh Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dan juga terimaan royalti petroleum. Hasil bukan cukai yang lain seperti lesen dan permit serta fi dijangka tidak berubah dengan ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya.


Perbelanjaan

Pengurusan kewangan berhemah yang menekankan kecekapan dan keberkesanan kos kekal menjadi teras utama dasar perbelanjaan Kerajaan. Kerajaan terus memberi tumpuan kepada peningkatan kapasiti untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam, terutamanya di kalangan agensi pelaksana dan pemantauan bagi memastikan program dan projek dilaksanakan dengan lebih lancar. Di samping itu, keutamaan juga diberi untuk memenuhi keperluan sosioekonomi golongan miskin dengan sebahagian besar peruntukan dibelanjakan bagi pemodenan dan pengkomersialan sektor pertanian. Sehubungan ini, perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM141,188 juta pada 2006 atau 10.1% lebih tinggi daripada RM128,278 juta yang direkodkan pada 2005. Daripada jumlah ini, RM105,374 juta atau 74.6% adalah perbelanjaan mengurus manakala baki adalah perbelanjaan pembangunan.

Perbelanjaan mengurus dijangka berkembang 7.8% kepada RM105,374 juta, di mana sebahagian besarnya adalah untuk perbelanjaan tanggungan dan terikat seperti bayaran khidmat hutang, emolumen, subsidi serta bekalan dan perkhidmatan, seperti di *Jadual 4.3*. Emolumen yang merupakan komponen terbesar, dianggarkan merangkumi 23.8% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Jumlah emolumen telah disemak kepada RM25,089 juta daripada peruntukan asal Bajet sebanyak RM23,587 juta, setelah

CARTA 4.3

Komponen Utama Hasil Kerajaan Persekutuan



¹ Anggaran disemak.

² Bajet.

JADUAL 4.3

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Objek 2005-2007

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²
Emolumen	25,587	25,089	25,815	7.6	-1.9	2.9	26.2	23.8	22.8
Bayaran khidmat hutang	11,604	12,726	13,127	6.3	9.7	3.2	11.9	12.1	11.6
Pemberian dan serahan kerajaan negeri	2,614	2,907	3,645	-9.7	11.2	25.4	2.7	2.8	3.2
Pencen dan ganjaran	6,809	6,638	7,049	12.4	-2.5	6.2	7.0	6.3	6.2
Bekalan dan perkhidmatan	17,984	21,608	23,147	8.1	20.2	7.1	18.4	20.5	20.5
Subsidi	13,387	11,251	11,908	131.0	-16.0	5.8	13.7	10.7	10.5
Pemberian kepada badan berkanun ³	8,289	9,183	9,854	24.6	10.8	7.3	8.5	8.7	8.7
Bayaran balik dan hapus kira	288	357	1,815	-94.3	24.0	408.4	0.3	0.3	1.6
Lain-lain	11,182	15,615	16,626	-17.4	39.6	6.5	11.4	14.8	14.7
Jumlah	97,744	105,374	112,986	7.1	7.8	7.2	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	19.7	19.2	18.9						


¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2007.

³ Termasuk emolumen.

CARTA 4.4

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan



¹ Anggaran disemak.

² Bajet.

mengambil kira tambahan peruntukan elaun sara hidup serta semakan elaun sedia ada dan pemberian elaun baru kepada penjawat awam bermula 1 Januari 2006. Bayaran gaji kakitangan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan seperti guru, doktor dan jururawat, merangkumi hampir 60% daripada jumlah emolumen. Bayaran untuk bekalan dan perkhidmatan yang meliputi 20.5% daripada perbelanjaan mengurus meningkat 20.2% kepada RM21,608 juta, terutamanya untuk penyenggaraan, membaik pulih, sewaan serta bayaran perkhidmatan profesional bagi meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan sektor awam.

Bayaran khidmat hutang yang kini merupakan komponen ketiga terbesar dan kekal pada paras 12.1% daripada perbelanjaan mengurus, adalah lebih rendah daripada purata 13.4% yang ditanggung dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8). Daripada jumlah ini, 87.8% atau RM11,175 juta adalah untuk bayaran khidmat hutang domestik. Bayaran subsidi yang mewakili hampir 11% daripada perbelanjaan mengurus berkurang sebanyak 16% kepada RM11,251 juta, berikutan pelarasan harga runcit produk petroleum. Walaupun pelarasan harga telah dilaksanakan, namun subsidi produk petroleum masih kekal

tinggi merangkumi hampir 76% daripada jumlah bayaran subsidi. Perbelanjaan di bawah kategori lain seperti pembelian harta, pemberian pengurusan sekolah dan biasiswa kekal pada paras yang sama seperti tahun sebelumnya.

Perbelanjaan pembangunan dijangka meningkat 17.3% kepada RM35,814 juta pada 2006, seperti di *Jadual 4.4*. Ini adalah selaras dengan pelan tindakan RMKe-9, iaitu untuk mengekalkan pertumbuhan, membina kapasiti dan menyokong pelaburan sektor swasta. Penekanan yang lebih ditumpukan kepada peningkatan prestasi melalui mekanisme perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang lebih baik. Program dan projek ditentukan mengikut keutamaan berdasarkan keperluan, kumpulan sasaran dan yang dapat menjana impak terbesar kepada ekonomi. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan adalah disalurkan kepada sektor ekonomi dan sosial, khususnya bagi menyediakan kemudahan awam, menambahbaik pengangkutan awam dan mengurangkan jurang pembangunan di antara wilayah.

Perkhidmatan ekonomi adalah komponen terbesar dalam perbelanjaan pembangunan, merangkumi 45.5% daripada jumlah keseluruhan pada 2006. Subsektor pengangkutan yang merupakan bahagian terbesar, menyumbang 38.1% atau RM6,198 juta, dibelanjakan terutamanya untuk memperbaiki rangkaian infrastruktur pengangkutan melalui pembinaan dan penaiktarafan jalan, jambatan, pelabuhan serta lapangan terbang. Subsektor tersebut juga memberi tumpuan kepada penyediaan sistem pengangkutan yang bersepadu dan cekap di pusat bandar utama untuk mengurangkan kesesakan dan meningkatkan rangkaian.

Perbelanjaan bagi pertanian dan pembangunan luar bandar dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 48.3% kepada RM3,681 juta, sejajar dengan dasar Kerajaan untuk menjadikan sektor pertanian penjana ketiga pertumbuhan ekonomi. Program pertanian yang dilaksanakan memberi penekanan yang lebih besar kepada kaedah perladangan moden dan komersial, meningkatkan nilai ditambah produk utama dan

JADUAL 4.4

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor 2005-2007

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²
Perkhidmatan ekonomi antaranya:	14,957	16,283	20,827	26.2	8.9	27.9	49.0	45.5	46.8
Pertanian dan pembangunan luar bandar	2,482	3,681	4,157	-13.8	48.3	12.9	8.1	10.3	9.3
Perdagangan dan perindustrian	3,221	3,791	5,102	168.2	17.7	34.6	10.5	10.6	11.5
Pengangkutan	7,660	6,198	7,298	15.5	-19.1	17.7	25.1	17.3	16.4
Perkhidmatan sosial antaranya:	7,450	10,194	14,218	-27.4	36.8	39.5	24.4	28.5	31.9
Pendidikan dan latihan	3,736	5,175	7,941	-13.4	38.5	53.4	12.2	14.4	17.8
Kesihatan	1,220	1,297	1,629	-48.1	6.3	25.6	4.0	3.6	3.7
Perumahan	1,082	1,895	2,153	-32.1	75.1	13.6	3.5	5.3	4.8
Keselamatan	4,803	5,781	6,817	16.2	20.4	17.9	15.7	16.1	15.3
Pentadbiran am	3,324	3,556	2,648	26.9	7.0	-25.5	10.9	9.9	5.9
Jumlah	30,534	35,814	44,510	5.8	17.3	24.3	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	6.2	6.5	7.5						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet.

yang berasaskan pertanian serta memperkenalkan pendekatan pemasaran dan akreditasi ladang yang lebih baik. Transformasi ini dijangka akan meningkatkan kapasiti pengeluaran industri makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, ikan dan ternakan. Pada masa ini, beberapa projek seperti *Beef Valley* di Selangor dan Negeri Sembilan serta Projek Pertanian Moden di Johor sedang dilaksanakan bagi mencapai objektif pertanian moden. Perbelanjaan bagi kemudahan awam juga dijangka meningkat ketara sebanyak 59.5% kepada RM2,361 juta (2005: 56.6%; RM1,480 juta), selaras dengan langkah untuk mengurangkan jurang di antara bandar dan luar bandar, melalui penambahbaikan kemudahan awam seperti bekalan elektrik, air dan telekomunikasi di kawasan luar bandar.

Sejumlah RM10,194 juta diperuntukkan untuk **perkhidmatan sosial**, komponen kedua terbesar dalam perbelanjaan pembangunan. Keutamaan yang paling tinggi diberi kepada subsektor pendidikan dan latihan, selaras dengan

penekanan RMKe-9 terhadap pembangunan modal insan. Peningkatan perbelanjaan yang lebih besar sebanyak 38.5% diperuntukkan kepada infrastruktur pendidikan yang merangkumi pembinaan sekolah rendah dan pra-sekolah, 12 Maktab Rendah Sains Mara, Universiti Kuala Lumpur dan 22 institut latihan perindustrian. Perbelanjaan subsektor kesihatan dijangka meningkat sedikit iaitu 6.3% bagi menyediakan penjagaan kesihatan yang lebih baik dan memenuhi permintaan perkhidmatan kesihatan awam yang semakin bertambah. Perbelanjaan tersebut termasuklah bagi menaiktaraf hospital dan klinik serta membina hospital baru di Kluang dan Permai, Johor. Perbelanjaan bagi subsektor perumahan berjumlah RM1,895 juta pada 2006, di mana hampir RM1,000 juta adalah untuk program Perumahan Rakyat dan Perumahan Rakyat Bersepadu. Selebihnya adalah untuk pembinaan kuarters perumahan anggota tentera dan polis. Kerajaan juga telah menubuhkan syarikat tujuan khas (SPV) bagi melaksanakan pembinaan dan pemulihan projek perumahan anggota polis yang terbengkalai.


Perbelanjaan untuk **keselamatan dalam negeri dan pertahanan** berjumlah RM5,781 juta, meningkat sebanyak 20.4% pada 2006. Sebahagian besar perbelanjaan disalurkan bagi meningkatkan keupayaan anggota polis, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia serta pelbagai cabang pasukan pertahanan. Sebahagian daripada projek pembangunan yang sedang dilaksanakan termasuklah pengkalan tentera laut di Teluk Sepanggar, pengkalan udara di Gong Kedak dan hospital tentera di Genting Klang. Perbelanjaan **pentadbiran am** yang berjumlah RM3,556 juta adalah terutamanya bagi menaiktaraf peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pengambilan tanah serta pengubahsuaian bangunan kerajaan.

Pembiayaan

Sebagai langkah berhemah, Kerajaan sentiasa memastikan pinjaman yang dibuat adalah untuk membiayai perbelanjaan pembangunan sahaja. Berikutan lebihan kecairan dalam negeri, sebahagian besar keperluan pembiayaan akan diperoleh daripada sumber domestik yang tidak memberi kesan inflasi.

CARTA 4.5

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor



¹ Anggaran disemak.
² Bajet.

Jumlah **pinjaman kasar dalam negeri** dianggarkan berjumlah RM36,100 juta, di mana RM17,750 juta adalah pinjaman baru dan bakinya RM18,350 juta untuk bayaran balik pinjaman sedia ada, seperti di *Jadual 4.5*. Daripada jumlah tersebut, RM26,100 juta akan diperoleh melalui penerbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), manakala bakinya sebanyak RM10,000 juta menerusi Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK). Pada 2006, sejumlah RM11,700 juta akan diperoleh melalui empat terbitan baru secara tender terbuka dan tawaran persendirian, manakala baki RM14,400 juta diperoleh menerusi enam terbitan semula SKM sedia ada. Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2006, SKM dengan kematangan 5 dan 10 tahun telah diterbitkan dengan kadar kupon antara 3.756% dan 4.635% setahun. Kadar kupon SKM yang diterbitkan pada 2005 dengan tempoh dan kematangan yang sama adalah antara 3.644% dan 4.720% setahun.

JADUAL 4.5

Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2005-2006


	RM juta		Bahagian (%)	
	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹
Pinjaman kasar	32,151	37,232	100.0	100.0
Dalam negeri	31,500	36,100	98.0	97.0
Terbitan pelaburan	4,000	10,000	12.4	26.9
Sekuriti kerajaan	27,500	26,100	85.5	70.1
Luar negara	651	1,132	2.0	3.0
Pinjaman pasaran	-	-	-	-
Pinjaman projek	651	1,132	2.0	3.0
Bayaran balik	22,954	22,428	100.0	100.0
Dalam negeri	18,800	18,350	81.9	81.8
Luar negara	4,154	4,078	18.1	18.2
Pinjaman bersih	9,197	14,804		
Dalam negeri	12,700	17,750		
Luar negara	-3,503	-2,946		
Perubahan aset²	9,527	4,485		
Jumlah	18,724	19,289		

¹ Anggaran.

² (+) bererti penggunaan harta.

CARTA 4.6

Bayaran Pokok, Penebusan dan Bayaran Faedah ke atas Hutang Kerajaan Persekutuan



Tiada pinjaman luar yang baru pada 2006. Walau bagaimanapun, pengeluaran pinjaman sedia ada berjumlah RM1,132 juta akan diperoleh daripada sumber dua hala dan pelbagai hala bagi membiayai projek yang sedang dilaksanakan, terutamanya untuk pendidikan serta menaiktaraf dan memulihkan infrastruktur bekalan air.

Hutang

Pengurusan hutang berhemah terus menjadi sebahagian daripada tumpuan dasar fiskal. Dasar yang berkesan dan sistem pemantauan hutang yang cekap dapat memastikan tahap hutang kekal pada paras yang mapan. Pada akhir 2006, hutang Kerajaan Persekutuan sebagai peratusan KDNK dianggarkan pada 44.6% sementara hutang negara 35.2%.

Jumlah **hutang Kerajaan Persekutuan** meningkat 6.9% kepada RM244,374 juta, dengan hutang domestik meningkat kepada RM217,320 juta manakala hutang luar pula berkurang kepada RM27,054 juta, seperti di *Jadual 4.6*. Walaupun jumlah hutang Kerajaan Persekutuan telah bertambah, kadar peratusannya kepada KDNK kekal rendah. Ini menunjukkan pertumbuhan nominal KDNK meningkat lebih tinggi daripada pertumbuhan hutang, menunjukkan bahawa pembiayaan defisit telah berjaya menjana aktiviti nilai ditambah. Bayaran khidmat hutang sebagai peratusan kepada perbelanjaan mengurus kekal rendah pada 12.1%.

Hutang negara, yang merangkumi kesemua hutang jangka pendek, sederhana dan jangka panjang kerajaan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta, dijangka berkurang kepada RM193,278 juta atau 35.2%

KDNK, seperti di *Jadual 4.7*. Jumlah baki hutang yang lebih rendah adalah disebabkan terutamanya pembayaran balik yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan. Hutang jangka pendek merangkumi hanya 22.4% daripada jumlah hutang luar manakala selebihnya ialah hutang jangka sederhana dan jangka panjang. Rizab antarabangsa, dari segi nisbahnya kepada hutang luar jangka pendek iaitu satu ukuran kemampuan rizab negara untuk membayar balik hutang luar jangka pendek, adalah lebih daripada mencukupi bagi menampung 6.2 kali hutang luar jangka pendek pada akhir Julai 2006. Nisbah khidmat hutang luar iaitu ukuran bayaran balik pokok dan faedah berbanding eksport barangan dan perkhidmatan negara, juga kekal rendah pada kadar 4.3%, menandakan kekukuhan pendapatan eksport untuk membayar hutang luar.

JADUAL 4.6

Hutang Kerajaan Persekutuan 2005-2006

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹
Hutang dalam negeri	198,670	217,320	86.9	88.9	40.1	39.6
Bil Perbendaharaan	4,320	4,320	1.9	1.8	0.9	0.8
Terbitan Pelaburan	10,100	20,100	4.4	8.2	2.0	3.7
Sekuriti Kerajaan	166,050	173,800	72.6	71.1	33.5	31.7
Tabung Pinjaman Perumahan	18,200	19,100	8.0	7.8	3.7	3.5
Hutang luar	30,000	27,054	13.1	11.1	6.1	4.9
Pinjaman pasaran	21,169	17,805	9.3	7.3	4.3	3.2
Pinjaman projek	8,831	9,249	3.9	3.8	1.8	1.7
Jumlah	228,670	244,374	100.0	100.0	46.2	44.6

¹ Anggaran.

JADUAL 4.7


Hutang Negara 2005-2006

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹
Hutang jangka sederhana dan panjang	150,215	149,950	76.2	77.6	30.3	27.3
Sektor awam	86,118	84,082	43.7	43.5	17.4	15.3
Kerajaan Persekutuan	30,000	27,054	15.2	14.0	6.1	4.9
PABK	56,118	57,028	28.5	29.5	11.3	10.4
Dijamin	17,579	21,824	8.9	11.3	3.5	4.0
Tidak dijamin	38,539	35,204	19.6	18.2	7.8	6.4
Sektor swasta	64,097	65,868	32.5	34.1	12.9	12.0
Hutang jangka pendek	46,798	43,328	23.8	22.4	9.4	7.9
Jumlah	197,013	193,278	100.0	100.0	39.8	35.2

¹ Anggaran.

CARTA 4.7

Hutang Luar Negara Kerajaan Persekutuan mengikut Mata Wang

¹ Anggaran.

Kerajaan Negeri

Kedudukan kewangan kerajaan negeri kekal kukuh...

Akaun semasa kerajaan negeri disatukan dijangka mencatat lebih sebanyak RM5,308 juta pada 2006, walaupun perbelanjaan mengurus meningkat. Walau bagaimanapun, dengan anggaran perbelanjaan pembangunan yang kekal tinggi, kedudukan kewangan kerajaan negeri secara keseluruhan dijangka mencatat defisit yang kecil berjumlah RM193 juta, seperti di *Jadual 4.8*. Defisit keseluruhan ini dibiayai sebahagian besarnya oleh geran dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan serta penggunaan aset kewangan terkumpul kerajaan negeri.

Jumlah hasil dijangka meningkat 5.8% kepada RM12,668 juta berikutan prestasi yang lebih baik, terutamanya cukai tanah di mana kadarnya telah dinaikkan oleh kebanyakan negeri pada awal tahun ini. Hasil daripada sumber negeri yang terdiri daripada cukai langsung dan tidak langsung serta hasil bukan cukai kekal sebagai komponen utama dengan sumbangan

JADUAL 4.8

**Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri
Disatukan
2005-2006**

	RM juta		Perubahan (%)	
	2005	2006 ¹	2005	2006 ¹
Akaun semasa				
Hasil	11,968	12,668	19.7	5.8
Perbelanjaan mengurus	6,144	7,360	9.5	19.8
Baki akaun semasa	5,824	5,308	32.9	-8.9
Akaun pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	4,548	5,628	18.9	23.7
Kumpulan wang pembangunan	4,221	5,180	19.9	22.7
Kumpulan wang bekalan air	327	448	7.2	37.0
Tolak: Terimaan balik pinjaman	202	127	11.0	-37.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	4,346	5,501	19.3	26.6
Baki keseluruhan	1,478	-193		
% kepada KDNK	0.3	-		

¹ Anggaran disemak.

sebanyak 71.9% kepada jumlah keseluruhan hasil negeri, manakala selebihnya adalah geran daripada Kerajaan Persekutuan. Prestasi hasil sumber negeri dijangka kekal pada paras tahun sebelumnya iaitu berjumlah RM9,119 juta (2005: RM9,264 juta), disumbangkan terutamanya oleh royalti petroleum dan perhutanan, premium dan cukai tanah serta keuntungan dan dividen daripada pelaburan, yang meliputi lebih 60% daripada jumlah hasil sumber negeri.

Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 19.8% kepada RM7,360 juta manakala perbelanjaan pembangunan sebanyak 23.7% kepada RM5,628 juta pada 2006. Emolumen serta bekalan dan perkhidmatan meliputi 60.5% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Bagi perbelanjaan pembangunan pula, lebih 50% dibelanjakan untuk sektor pertanian dan luar bandar, perumahan, kemudahan awam serta menambah dan menaiktaraf infrastruktur.

RMKe-9 memberi tumpuan yang lebih kepada pembangunan seimbang untuk merapatkan jurang antara wilayah, negeri serta antara kawasan bandar dan luar bandar. Perbezaan dari segi pendapatan per kapita, kadar kemiskinan, jurang digital dan kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas akan diatasi melalui program dan projek khusus untuk menerajui aktiviti ekonomi di peringkat negeri.

Sektor Kerajaan

Kedudukan kewangan sektor kerajaan yang merangkumi akaun Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun yang disatukan setelah mengambil kira pindahan dan pinjaman bersih antara entiti tersebut, dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM16,811 juta atau 3.1% KDNK, seperti di *Jadual 4.9*. Badan berkanun dan kerajaan negeri merangkumi lebih 80% daripada defisit keseluruhan sektor kerajaan. Ini menunjukkan kedua-dua entiti tersebut tidak mempunyai hasil yang mencukupi daripada sumber sendiri dan perlu ditampung dengan geran daripada Kerajaan Persekutuan. Pada 2006, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM9,183 juta bagi perbelanjaan mengurus kepada badan berkanun dan RM2,907 juta kepada kerajaan negeri, seperti di *Jadual 4.3*.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK)

PABK terus berprestasi baik...

Kedudukan kewangan PABK yang disatukan dijangka mencatat lebihan semasa yang tinggi berjumlah RM83,395 juta berbanding tahun sebelumnya (2005: RM57,890 juta), seperti di *Jadual 4.10*. Lebihan semasa ini sebahagian besarnya disumbang oleh prestasi pendapatan yang lebih baik, meningkat 18.1% kepada RM287,476 juta. Perbelanjaan mengurus bertambah sebanyak 10%, terutamanya untuk meningkatkan kapasiti bagi penambahbaikan produk dan kecukupan perkhidmatan. Walaupun

JADUAL 4.9

**Kedudukan Kewangan Sektor Kerajaan Disatukan
2005-2007**

	RM juta			Perubahan (%)		
	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²
Akaun semasa						
Hasil	123,583	138,607	153,113	6.2	12.2	10.5
Perbelanjaan mengurus	107,126	116,260	124,656	5.4	8.5	7.2
Baki akaun semasa	16,457	22,347	28,457	12.1	35.8	27.3
Perbelanjaan pembangunan	30,989	39,158	45,517	-3.1	26.4	16.2
Baki keseluruhan	-14,532	-16,811	-17,060			
% kepada KDNK	-2.9	-3.1	-2.9			

¹ Anggaran disemak.² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2007.

JADUAL 4.10

**Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹
2005-2006**

	RM juta		Perubahan (%)	
	2005	2006 ²	2005	2006 ²
Pendapatan	243,455	287,476	12.8	18.1
Perbelanjaan semasa	185,565	204,081	19.6	10.0
Pendapatan semasa	57,890	83,395	-4.7	44.1
% kepada KDNK	11.7	15.2		
Perbelanjaan pembangunan	34,373	48,723	39.5	41.7
Lebihan keseluruhan	23,517	34,672	-34.8	47.4
% kepada KDNK	4.7	6.3		

¹ Merujuk kepada 30 PABK utama.² Anggaran disemak.

kos perniagaan semakin meningkat, PABK terus menunjukkan prestasi yang baik serta kekal berdaya tahan bagi menghadapi persekitaran yang semakin mencabar. Seiring dengan pelancaran RMKe-9, PABK akan terus memainkan peranan utama di dalam pembangunan dan perkembangan ekonomi negara, di samping memperkukuhkan kedudukannya di rantau ini. Sehubungan itu, perbelanjaan pembangunan dijangka terus meningkat sebanyak 41.7% kepada RM48,723 juta pada 2006. Sejumlah besar perbelanjaan pembangunan disalurkan kepada pembinaan kapasiti baru serta penambahbaikan dan pemulihan kemudahan sedia ada. PABK dijangka mencatat lebihan keseluruhan yang lebih tinggi berjumlah RM34,672 juta pada 2006, walaupun perbelanjaan pembangunan meningkat dengan ketara.

Usaha berterusan PETRONAS untuk meneroka lebih banyak rizab minyak dan gas telah mencapai hasil yang memberangsangkan berikutan penemuan baru gas di luar pesisir Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Pada 2006,

PETRONAS juga berjaya memeterai perjanjian jual beli jangka panjang dengan syarikat di Jepun dan China bagi membekalkan gas asli cecair (LNG). Di samping itu, PETRONAS juga telah mewujudkan perniagaan runcit di Indonesia dengan pembukaan stesen minyaknya yang pertama di sana. Baru-baru ini, pembukaan kemudahan gas petroleum cecair (LPG) yang kedua dilancarkan di Vietnam untuk memenuhi permintaan pasaran runcit tempatan. Kesemua perkembangan ini dijangka meningkatkan lagi keupayaan menjana pendapatan dalam jangka masa terdekat.

Pada tahun ini, PETRONAS juga telah menambah bilangan kapal tangki LNG bagi memperkukuhkan kedudukan di pasaran global sebagai operator tunggal terbesar. Antara pelaburan utama yang dilaksanakan termasuk usaha sama oleh subsidiarinya AET Tanker Holdings, yang memiliki dan mengendalikan *Very Large Crude Carrier* (VLCC) dan lain-lain jenis kapal tangki untuk mengangkut minyak mentah dan kondensat. Pembinaan kemudahan pengeluaran, penyimpanan dan pengendalian untuk Murphy Sabah Oil di Kikeh juga merupakan antara pelaburan utama, di samping projek sedia ada seperti Loji Mega Methanol di Labuan dan loji penapisan minyak di Melaka. Bagi mengukuhkan lagi kedudukan sebagai pemain global, PETRONAS meneruskan strategi melabur di peringkat antarabangsa, termasuk memeterai perjanjian konsesi baru di Mesir dan Turkmenistan serta membeli ekuiti syarikat Rosneft di Rusia.

Disokong oleh kedudukan yang kukuh di rantau Asia Selatan dan ASEAN, pendapatan Telekom Malaysia Berhad (TM) dijangka meningkat, khususnya dalam segmen selular, internet dan multimedia dengan sumbangan terbesar dari Indonesia. Pengenalan produk baru, seperti *iTalk with Mobile* dan pakej baru dalam segmen jalur lebar akan membantu mengatasi kemerosotan jualan talian tetap di pasaran tempatan. Bagi perbelanjaan modal, sebahagian besarnya ditumpukan kepada meluaskan lagi dan menambahbaik jaringan perkhidmatan selular domestik dan antarabangsa. Pelaburan

lain termasuk mengembangkan lagi kemudahan perkhidmatan jalur lebar dan perkhidmatan berkaitan data serta pembangunan Kompleks Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di Cyberjaya.

Berikutan kenaikan tarif elektrik dan disokong oleh peningkatan permintaan elektrik, prospek pendapatan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dijangka kekal positif. Perbelanjaan operasi juga dijangka meningkat berikutan kenaikan kos bahan api dan pembayaran bagi penjanaan kapasiti tambahan kepada dua Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) baru. Salah satu daripada inisiatif TNB untuk mengurangkan kos serta meminimalkan gangguan bekalan ialah dengan pelaksanaan "*preventive rather than reactive maintenance strategy*". TNB juga telah mengambil langkah untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan melalui pelaksanaan Sistem Bacaan Meter Automatik (AMR) bagi meningkatkan ketepatan bacaan meter. Sejumlah besar perbelanjaan pembangunan pula adalah untuk pemulihan dan penambahbaikan stesen jana kuasa, rangkaian transmisi dan pengagihan. Antara projek yang dilaksanakan termasuk Skim Pembangunan Hidroelektrik Ulu Terengganu, pemulihan Stesen Jana Kuasa Prai dan peningkatan stesen jana kuasa di Manjung dan Sepang. Bagi pelaburan luar negara, sejumlah besar adalah untuk pembangunan *Shoaiba Independent Power and Water Project* di Arab Saudi, yang dijangka dapat memberi pulangan pelaburan yang menguntungkan.

Sektor Awam Disatukan

Pada 2006, kewangan sektor awam disatukan dijangka terus mencatat baki semasa yang lebih tinggi sebanyak RM105,008 juta iaitu peningkatan 43.3% (2005: RM73,301 juta; -2.6%), berikutan prestasi pendapatan yang lebih baik daripada PABK, terutamanya PETRONAS. Walaupun terdapat peningkatan ketara dalam perbelanjaan pembangunan, baki keseluruhan dianggarkan lebih tinggi iaitu RM17,687 juta atau 3.2% KDNK pada 2006 (2005: RM8,850 juta; 1.8% KDNK), seperti di *Jadual 4.11*.

JADUAL 4.11

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan 2005-2007

	RM juta			Perubahan (%)		
	2005	2006 ¹	2007 ²	2005	2006 ¹	2007 ²
Hasil	94,961	102,456	111,504	-0.1	7.9	8.8
Perbelanjaan mengurus	106,633	115,084	124,108	5.6	7.9	7.8
Lebihan semasa PABK	84,973	117,636	128,923	4.6	38.4	9.6
Baki semasa sektor awam	73,301	105,008	116,319	-2.6	43.3	10.8
Perbelanjaan pembangunan	64,451	87,321	83,153	13.6	35.5	-4.8
Sektor kerajaan	30,078	38,598	45,115	-6.2	28.3	16.9
PABK	34,373	48,723	38,038	39.5	41.7	-21.9
Baki keseluruhan	8,850	17,687	33,166			
% kepada KDNK	1.8	3.2	5.6			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2007.

Prospek 2007

Menterjemahkan RMKe-9 melalui program dan projek berkesan...

Bajet 2007 sama seperti bajet tahun sebelumnya, juga merupakan kesinambungan pelaksanaan RMKe-9 yang bertujuan untuk membina asas kukuh bagi mencapai pertumbuhan ekonomi mapan jangka panjang. Pada masa yang sama, Bajet ini juga mengambil langkah untuk mengatasi cabaran jangka pendek seperti harga minyak yang tinggi, tekanan inflasi dan kadar faedah global yang meningkat.

Bagi 2007, peruntukan sebanyak RM157,496 juta iaitu peningkatan sebanyak 11.6% berbanding 2006 telah disediakan untuk kedua-dua perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Peningkatan perbelanjaan ini adalah bertujuan untuk mengekalkan momentum pertumbuhan, berikutan persekitaran luar yang semakin mencabar. Jumlah hasil dijangka terus berkembang disumbangkan terutamanya oleh

hasil berkaitan minyak yang lebih tinggi iaitu berjumlah RM53,730 juta atau 39.9% daripada jumlah hasil (2006: RM45,002 juta; 37.3%).

Bagi memastikan konsolidasi fiskal berterusan, defisit keseluruhan dianggarkan berkurang kepada 3.4% KDNK untuk mengekalkan kekukuhan kedudukan fiskal, seandainya berlaku perkembangan yang tidak diinginkan dan di luar jangkaan. Kerajaan akan terus menguruskan kewangannya dengan berhemah untuk memastikan perbelanjaan yang efektif dan *value-for-money*, agar manfaat perbelanjaan Kerajaan dinikmati oleh golongan yang disasarkan. Peruntukan mengurus dijangka meningkat 7.2% kepada RM112,986 juta bagi keperluan operasi Kerajaan, terutamanya usaha berterusan untuk menyediakan perkhidmatan dan keperluan asas yang lebih baik kepada rakyat. Bagi perbelanjaan pembangunan pula, Kerajaan akan memberi fokus kepada perbelanjaan yang berupaya menjana pendapatan, membantu meningkatkan kecekapan ekonomi serta mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif. Sehubungan itu, peruntukan pembangunan dianggarkan meningkat ketara sebanyak 24.3% kepada RM44,510 juta pada 2007.

Mengambil kira akan tekanan inflasi, Kerajaan akan memantau harga barangan keperluan untuk memastikan bekalan yang mencukupi supaya kegiatan kenaikan harga dengan sewenang-wenangnya, penyorokan dan pengambilan keuntungan yang berlebihan dapat dibendung. Subsidi Kerajaan masih tinggi untuk membantu mengurangkan kos sara hidup yang meningkat. Dalam Bajet 2007, subsidi berjumlah RM11,908 juta (2006: RM11,251 juta) akan diperuntukkan terutamanya untuk produk petroleum, kadar faedah termasuk pinjaman pelajaran, padi dan baja, buku teks sekolah dan skim makanan berkhasiat.

Bagi menghadapi persaingan ekonomi serantau yang kian meningkat, Kerajaan akan terus menyediakan persekitaran mesra perniagaan untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) serta menggalakkan pelaburan swasta. Menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang sederhana, moden dan progresif adalah penting. Di samping itu, adalah juga penting untuk menambah baik kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam, logistik dan infrastruktur. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus menambahbaik pentadbiran dan proses kerja di jabatan dan agensi yang kritikal. Selain itu, mewujudkan petunjuk prestasi utama (KPI) di syarikat berkaitan kerajaan (GLC), terutamanya pembekal perkhidmatan utiliti, pihak berkuasa tempatan dan pejabat tanah serta menyediakan dasar dan garis panduan pelaburan yang jelas dan konsisten akan mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif dan kondusif. Sehingga kini, usaha-usaha tersebut telah mendatangkan kesan positif di mana kedudukan Malaysia di kalangan 60 negara telah meningkat dari tangga 28 pada 2005 ke tangga 23 pada 2006 seperti yang diterbitkan di dalam buku *World Competitiveness Yearbook 2006* oleh Institut Pembangunan Pengurusan (IMD).

Kerajaan akan melancarkan sekali lagi Tahun Melawat Malaysia pada 2007 memandangkan bertambah pentingnya pendapatan daripada sektor pelancongan. Untuk tujuan ini, sejumlah RM400 juta akan diperuntukkan bagi promosi pelancongan, termasuk eko-pelancongan dan menaik taraf infrastruktur pelancongan.

Berhubung dengan strategi jangka sederhana dan panjang, Kerajaan akan terus menggerakkan sektor swasta bagi meningkatkan ekonomi

dalam rantai nilai lebih tinggi. Beberapa aspek strategi ini terkandung dalam Bajet 2007, antaranya peruntukan kepada R&D yang lebih fokus, pembangunan sumber pertumbuhan baru, terutamanya dalam bioteknologi, ICT, automasi, industri berasaskan pertanian serta reka bentuk dan pemasaran dalam sektor pembuatan. Sehubungan itu, Bajet akan memperuntukkan RM1,000 juta untuk usaha penyelidikan yang fokus dalam bidang tersebut. Modal insan yang berkualiti adalah elemen utama dalam usaha meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi. Oleh itu, Bajet akan terus memberi tumpuan kepada pendidikan, latihan semula serta pertalian di antara universiti dan industri yang lebih baik dan menggalakkan modal teroka serta perlindungan hak harta intelek. Bagi mencapai hasrat ini, peruntukan sebanyak RM6,600 juta disediakan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi di bawah perbelanjaan pembangunan.

Masih terdapat jurang antara penduduk bandar dan luar bandar, wilayah dan negeri. Selaras dengan Misi Nasional dan RMKe-9, usaha akan ditumpukan bagi memastikan manfaat pembangunan diagihkan dengan lebih saksama. Kemudahan awam, peluang pekerjaan dan aktiviti yang menjana pendapatan akan lebih dapat dinikmati melalui pusat pertumbuhan wilayah. Bajet akan memperuntukkan RM4,000 juta bagi program yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar.

Isu berkaitan alam sekitar dan impaknya kepada kualiti hidup terus diberi perhatian. Usaha ini termasuk meningkatkan kualiti air dan sungai, pengurusan yang baik bagi tempat pembuangan sisa, pemeliharaan kawasan tadahan dan pengurangan pencemaran udara. Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi memastikan pengurusan sumber asli negara dan persekitaran yang lebih baik. Mengambil kira semua kos dan faedah bagi projek pembangunan serta mengambil tindakan terhadap mereka yang mencemarkan alam sekitar akan dikuatkuasakan dengan lebih tegas. Pada masa yang sama, lebih banyak insentif akan disediakan untuk penggunaan teknologi jimat tenaga dan kaedah mesra alam dalam mendapatkan hasil daripada sumber yang semakin susut atau melaksanakan projek pembangunan.

Kerajaan akan terus memupuk nilai penyayang di kalangan rakyat Malaysia untuk memastikan golongan yang kurang upaya dan tidak bernasib baik tidak akan ketinggalan daripada arus perdana pembangunan. Kerajaan akan terus menangani penyakit sosial seperti penagihan dadah, masalah remaja dan jenayah. Sehubungan ini, RM73 juta diperuntukkan untuk Pelan Strategik Kebangsaan

bagi HIV/AIDS dan *National Influenza Pandemic Preparedness Plan*. Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus menyelaras pentadbiran dan bayaran bantuan kebajikan untuk mengurangkan berlakunya penerima mendapat faedah daripada pelbagai punca di samping memastikan tiada kes di mana penerima yang layak tidak mendapat sebarang faedah.